

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK KERTAS KERJA	:	Sesi Libat Urus di Antara Pihak Pengurusan MPC & Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (SUK Negeri) bagi 4 Negeri Produktif di MPC Wilayah Utara
TARIKH	:	Mac – April 2021
CADANGAN TEMPAT PELAKSANAAN	:	a. SUK Perlis b. SUK Kedah
KOS ANGGARAN / BAJET	:	Anggaran Perbelanjaan = RM17,600 (Bajet Operasi)
BAHAGIAN / WILAYAH / UNIT	:	MPC Wilayah Utara
IMPAK	:	1. Merancakkan program negeri produktif yang telah disusun sepanjang tahun 2021/2022. 2. Memperkukuhkan ekonomi dan daya saing negeri melalui pendekatan produktiviti. 3. Meningkatkan kefahaman mengenai pengukuran dan kedudukan produktiviti di 4 negeri utara produktif.
BAKI PERUNTUKAN YANG ADA / TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

**Sesi Libat Urus
Pihak Pengurusan MPC & Setiausaha Kerajaan Negeri
bagi 4 Negeri Utara Produktif**

1.0 TUJUAN

Tujuan kertas cadangan ini untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi cadangan mengadakan sesi libat urus antara pihak MPC dan Setiausaha Kerajaan Negeri di 4 Negeri Utara Produktif bagi tahun 2021.

2.0 LATAR BELAKANG

Mulai pertengahan tahun 2019, MPC Wilayah Utara telah memperkenalkan inisiatif Negeri Produktif iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Inisiatif Negeri Produktif ini diperkenalkan bagi menyokong aspirasi kerajaan negeri ke arah negeri berpendapatan tinggi, progresif dan berdaya saing seiring dengan perubahan yang dilaksanakan di peringkat Kerajaan Persekutuan melalui aktiviti dan program yang menggalakkan pertumbuhan produktiviti negeri.

3.0 OBJEKTIF

- a. Merancang program negeri produktif yang telah disusun sepanjang tahun 2021/2022.
- b. Memperkukuhkan ekonomi dan daya saing negeri melalui pendekatan produktiviti.
- c. Meningkatkan kefahaman mengenai pengukuran dan kedudukan produktiviti Negeri Utara Produktif.

4.0 TARIKH LAWATAN

Bil	Negeri Terlibat	Tempat	Tarikh
1.	Perlis	SUK Perlis	29 Mac 2021
2.	Kedah	SUK Kedah	29 Mac 2021
3.	Pulau Pinang	SUK P. Pinang	19 April 2021
4.	Perak	SUK Perak	Akan ditentukan

5.0 ANGGARAN KOS (4 NEGERI PRODUKTIF)

Bil	Item	Jenis Perbelanjaan	Jumlah Keseluruhan
1.	Penginapan	a. Pengurusan Atasan : RM500 x 2 peg. x 4 Negeri b. Pengarah : RM300 x 1 peg. x 4 Negeri c. Pegawai : RM250 x 4 peg. x 4 Negeri	RM4,000 RM1,200 RM4,000
2.	Promosi	Banting, Brosur & Pamphlet (4 Negeri Produktif)	RM4,000
3.	Tiket kapal terbang (Negeri P. Pinang)	Pengurusan Atasan RM1,200 x 2 peg.	RM2,400
4.	Makan VVIP	RM100 x 5 peg. x 4 Negeri	RM2,000
		Jumlah	RM17,600

6.0 JANGKAAN IMPAK

Sesi libat urus di antara pihak MPC dan Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri ini bukan hanya dapat memperkukuhkan hubungan 2 hala, malah ianya juga dapat meningkatkan ekonomi dan daya saing negeri melalui pendekatan pengukuran produktiviti.

7.0 CADANGAN / SYOR


Pihak Lembaga Pengurusan MPC adalah dipohon untuk mempertimbang dan meluluskan kertas cadangan ini bagi mengeratkan hubungan kerja 2 hala di antara kerajaan negeri dengan pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia.

Disediakan oleh:



(Abdul Malek Mohd Aripin)
Pengurus Kanan
MPC Wilayah Utara
Tarikh: 22 Mac 2021

Disemak oleh:



(Dr. Mazrina Mohd Ibramsah)
Pengarah Wilayah
MPC Wilayah Utara
Tarikh: 22 Mac 2021

**ATURCARA LAWATAN KETUA PENGARAH MPC KE
SUK NEGERI PERLIS DAN SUK NEGERI KEDAH**

Tarikh	Masa	Aktiviti
28/3/2021 (Ahad)	2.00 ptg	Ketibaan Dato' KP & TKP di Perlis
	3.00 ptg – 5.00 ptg	Check-in Hotel Putera Brasmana, Kuala Perlis
	6.00 ptg – 7.00 ptg	Lawatan ke Timah Tasoh Lake View
29/3/2021 (Isnin)	9.00 pg – 11.00 pg	Perjumpaan KP & TKP bersama YB Tuan Azman bin Mohd Yusof Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
	2.00 ptg – 4.00 ptg	Perjumpaan Dato' KP & TKP bersama YB Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaik Mahmood Naim Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
	5.00 ptg – 6.00 ptg	Bertolak ke Hotel The Lite, Seberang Jaya, Pulau Pinang
30/3/2021 (Selasa)	8.00 pg – 8.45 pg	Bertolak ke MPC Wilayah Utara
	9.00 pg – 12.00 tgh	Perjumpaan bersama Warga MPC Wilayah Utara